



Yayasan Waqaf Malaysia

## KENYATAAN MEDIA

### YAYASAN WAQAF MALAYSIA

#### CIMB ISLAMIC BANK SAHUT GESAAN PERKASA WAKAF DENGAN KERJASAMA YAYASAN WAQAF MALAYSIA

---

1. YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dalam ucapannya semasa Pelancaran Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2023 pada 23 Mac 2023 telah menggesa inisiatif menyemarakkan aktiviti wakaf dapat diteruskan terutama dengan menggalakkan penglibatan mana-mana individu, persatuan, syarikat swasta dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam usaha tersebut.
2. Atas gesaan tersebut dan sebagai permulaan, **CIMB Islamic Bank telah memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 kepada Yayasan Waqaf Malaysia** bagi tujuan melaksanakan Program Pembudayaan dan Sosialisasi Wakaf sepanjang tempoh Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2023 yang bermula pada 23 Mac 2023 bersamaan 1 Ramadan 1444H.
3. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran berwakaf di kalangan masyarakat di mana sekiranya masyarakat faham konsep wakaf dan seterusnya menjadikan wakaf sebagai amalan seharian, lebih banyak aset wakaf dapat diwujudkan dan lebih ramai mesyarakat akan menerima manfaatnya.
4. Antara program yang akan dilaksanakan adalah:
  - a. program kesedaran berwakaf melalui media, penganjuran taklimat wakaf, webinar dan kaunter wakaf;
  - b. program menyantuni golongan yang memerlukan seperti kembara sahur, sumbangan Wakaf Prihatin (barangan keperluan asas) dan sumbangan Back To School; dan

- c. program apresiasi pewakaf (pewakaf harta alih dan tak alih) dan penerima manfaat wakaf (peserta Program iTEKAD 2.0 CIMB Islamic Rider Entrepreneur).
5. Bermula tahun 2016, CIMB Islamic Bank merupakan Rakan Strategik erat Yayasan Waqaf Malaysia di mana kedua-dua pihak telah bekerjasama dalam:
  - a. kempen Dana P.U.L.I.H (iaitu Peralatan Untuk Kelengkapan dan Pemulihan Hospital) semasa negara berdepan dengan wabak COVID-19 di mana dana wakaf yang diterima melalui platform CIMB Clicks! digunakan bagi tujuan menyediakan peralatan dan kelengkapan hospital seperti set katil ICU, mesin pernafasan, mesin Ultrasound dan ventilator khususnya kepada hospital-hospital rujukan yang mengendalikan kes COVID-19;
  - b. pelaksanaan Program iTEKAD 2.0 CIMB Islamic Rider Entrepreneur yang telah memberi manfaat kepada 44 individu terjejas pendapatan semasa tempoh pandemik. Menerusi program ini, Yayasan Waqaf Malaysia membuat kutipan wakaf bertempoh bagi tujuan pembelian motosikal yang akan digunakan oleh individu tersebut sebagai penghantar makanan; dan
  - c. pembelian 2 ekor kuda bagi tujuan pendidikan kepada anak-anak *autisme* atau *cerebral palsy* di bawah Sijil Wakaf Tunai Pendidikan.
6. Kini, dengan serendah RM1.00, masyarakat boleh berwakaf pada bila-bila masa, melalui CIMB *Clicks!* atau imbas QR DuitNow di bawah,



- Tamat -

**Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM, maklumat terkini pelaksanaan projek wakaf dan untuk berwakaf sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

- 1. Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | [azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)**
- 2. Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011-33065054 | [nurain.nazri@ywm.gov.my](mailto:nurain.nazri@ywm.gov.my)**